

11 JUL 1999

PAS-Firaun

DR MAHATHIR CUBA TIRU FIRAUN, KATA FADZIL NOOR

BAGAN DATOH, 11 Julai (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cuba meniru cara pemerintahan Firaun dengan membina kediaman rasmi di Putrajaya untuk tujuan bermegah-megah.

"Firaun berbangga sekali dengan istananya, jadi Dr Mahathir cuba hendak tiru cara-cara Firaun dalam pemerintahannya," katanya ketika memberi ceramah politik di hadapan kira-kira 3,000 hadirin di Parit 24, Jalan Bagan Datoh di sini malam tadi.

Katanya Firaun di zaman keagungan Mesir membina mahligai yang besar dengan sungai-sungai mengalir di bawahnya termasuk Sungai Nil dan perkara yang sama dilakukan Dr Mahathir dengan membina tasik buatan dan sungai di sekeliling kediamannya di Putrajaya.

Beliau juga mendakwa Dr Mahathir tidak bertanggungjawab kerana mendirikan kediaman jauh dari rakyat sedangkan seorang pemimpin sepatutnya hidup bersama rakyat.

Dalam ceramah itu Fadzil turut menjelaskan kenyataannya mengenai Putrajaya.

"Saya kata hendak lelong mahligai (kediaman Perdana Menteri) bukan Putrajaya. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan jadi buat apa lelong?... tapi suratkhbar dan pemimpin Umno suka mendakwa yang bukan-bukan."

Beliau juga mendakwa kerajaan pusat enggan meneroka hasil minyak di perairan Kelantan kerana bimbang negeri itu akan menjadi kaya hasil royalti minyak.

"Gas dan petrol di Kelantan adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan Terengganu tetapi kerajaan pusat tidak mahu mencari gali bahan itu kerana bimbang mesti membayar royalti sebanyak lima peratus yang akan menyenangkan kerajaan Kelantan dan rakyatnya," katanya.

Di KUALA LUMPUR hari ini, Fadzil berkata beliau yakin sebahagian besar golongan pemuda di negara ini akan menyokong pakatan parti pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang dan seterusnya menjamin kemenangannya.

Katanya pembangkang mendapati pelbagai tanda jelas yang menunjukkan terdapat peralihan besar sokongan golongan pemuda dari parti pemerintah ke pembangkang.

"Kalau kita lihat di dalam perhimpunan terbuka, ramai yang menghadirinya adalah anak-anak muda dan fenomena ini tidak terdapat di dalam perhimpunan Umno," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pemuda Malaysia anjuran Dewan Pemuda PAS Pusat.

Selepas upacara perasmian, Fadzil bersama-sama ketua pemuda PAS, Parti Keadilan Nasional serta DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) melancarkan "Piagam Pengundi Pilihanraya Umum Ke-10 -- Pilihan Kita Menentu Masa Depan Negara".

Piagam tujuh perkara itu mengariskan perkara-perkara seperti menolak budaya jijik, menghentikan kepimpinan korup, pengurusan kerajaan terpilih, dan keterbukaan pemimpin pilihan.

-- BERNAMA

HJ MHI RON